

20 FEB 2003

NAM: DR M PERSOAL NIAT AS MAHU SERANG IRAQ, BUKAN KOREA UTARA

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan kenapa Amerika Syarikat menumpukan perhatian untuk menyerang Iraq dan bukannya Korea Utara.

Perdana Menteri berkata pendirian Amerika Syarikat itu dipersoalkan kerana Korea Utara dilaporkan boleh menggunakan senjata yang boleh mengakibatkan kemusnahan besar-besaran miliknya.

Menegaskan bahawa Malaysia juga tidak mahu melihat perang dilancarkan ke atas Korea Utara sepertimana juga perang ke atas Iraq, beliau berkata: "Adalah menghairankan kenapa mereka (Amerika Syarikat) tidak menumpukan pada negara yang lebih bahaya tetapi memilih negara yang lebih lemah.

"Kami diberitahu...satu daripada sebab kenapa mereka tidak akan menyerang Korea (Utara) kerana Korea (Utara) memilik senjata yang boleh mengakibatkan kemusnahan besar-besaran yang mereka mungkin gunakan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

"Tetapi mereka (Amerika) bersedia untuk menyerang Iraq kerana besar kemungkinan Iraq tidak mempunyai senjata seumpama itu," kata Dr Mahathir, pengerusi akan datang Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), yang Sidang Kemuncaknya bermula di sini hari ini.

Beliau menyatakan ini memberikan gambaran kepada Amerika Syarikat bahawa Iraq kurang bahaya daripada Korea Utara.

-- BERNAMA

AZH MNY MAM RHM